

06 MAY 2002

MATAWANG-ASEAN/I

MATAWANG BERSAMA BAGI ASEAN BERI BANYAK KEBAIKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Satu matawang bersama bagi Asean akan memberi "banyak kebaikan" kepada rantau ini jika perkumpulan serantau itu memilih untuk menerima pakainya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia adalah satu idea yang baik tetapi Eropah mengambil masa 20 tahun sebelum mereka akhirnya bersetuju dengan matawang bersama," beliau memberitahu persidangan akhbar selepas ucap tama beliau pada Mesyuarat Agung ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini hari ini.

Mengakui bahawa menerima pakai matawang bersama bukanlah kerja yang mudah, terutamanya bagi Asean yang negara-negaranya lebih berbeza daripada satu sama lain berbanding dengan negara-negara Eropah, kata beliau bahawa "malahan sekarang, tidak semua negara Eropah menerima euro sebagai matawang bersama bagi rantau itu."

"Perkara yang terbaik bagi kita ialah melihat dan mengkaji pengalaman Eropah untuk melihat sama ada kita boleh menerima pakai matawang bersama," tambanya.

Mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata adalah jelas bahawa Singapura menanda tangani perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara bukan anggota Asean kerana negara pulau itu tidak dapat mengambil kesempatan daripada keanggotaan Aseannya untuk mendapat manfaat daripada negara-negara anggota.

Bagi Malaysia, ia telah memilih untuk bersama-sama negara-negara itu memandangkan ia berkongsi geografi dan budaya yang serupa, katanya.

Beliau berkata bahawa jika sesebuah negara bergabung dengan semua jenis perkumpulan, ia akan menjadi mengelirukan dan mungkin tidak produktif.

"Jika setiap orang menyertai setiap zon ekonomi, maka kita akan menjadi sebuah dunia lengkap. Ia menjadi tidak bermakna selepas sesuatu masa.

"Adalah bermakna bagi negara-negara Asean bergabung kerana daripada segi geografi dan kebudayaan kita adalah amat serupa," katanya.

Mengenai saingan dari China, Dr Mahathir berkata bahawa terserahlah kepada negara-negara Asean untuk mencari jalan dalam mengambil kesempatan daripada kekayaan yang baru ditemui di dalam negara itu.

Katanya bahawa sungguhpun China telah menarik sedikit pelaburan langsung asing daripada negara-negara Asean, negara itu juga patut dipandang sebagai satu pasaran besar yang berpotensi.

"Ia tidak boleh mengeluarkan semua barang untuk dirinya sendiri. Ada sesuatu yang ia perlu import, bukan cuma bahan-bahan mentah tetapi juga barangan siap."

Ini termasuk kertas dan minyak sawit, katanya.

Kemudian terdapat minat orang China untuk berjalan ke luar negara sebagai pelancong, tegas beliau. -- BERNAMA

MAD SD OS